

BERITA HARIAN

OCT 27, 2010

PAGE 28

(LETTER TO EDITOR)

Penduduk kecewa mutu khidmat feri, bot laju Labuan ke Menumbok

SAYA antara berpuluh ribu rakyat Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang berulang-alik antara kedua destinasi itu setiap hari mahupun hujung minggu.

Dilema yang sudah agak lama dialami penduduk Labuan dan rakyat Sabah yang berkunjung ke pulau bebas cukai itu apabila perkhidmatan feri ditawarkan begitu mengecewakan pelanggan.

Tragedi feri rosak dan tidak dapat beroperasi sering berlaku terutama musim perayaan, seolah-olah tiada penyudah. Keputusan kerajaan tidak meneruskan hasrat membina jambatan antara Pulau Labuan dan Sabah sekali mengecewakan harapan penduduk untuk melihat penambahbaikan sistem pengangkutan antara kedua-dua destinasi.

Sudah tiba masanya, syarikat feri mempunyai pesaing bagi mengelak syarikat sedia ada terus mengaut keuntungan tanpa memikirkan kehendak pelanggannya.

Pada 22 Oktober lalu tiada perkhidmatan feri disediakan atas alasan yang tidak dapat diterima.

Ramai pelanggan terkandas dan terpaksa meninggalkan kenderaan di Pekan Menumbok, Sabah. Pilihan yang ada untuk ke Labuan ketika itu hanya menggunakan bot laju.

Malangnya, perkhidmatan itu juga boleh dipersoalkan kualiti perkhidmatan dan keselamatannya. Sebuah bot laju dihadkan kepada 12 penumpang tetapi apa yang berlaku pada ketika itu sebuah bot memuatkan lebih 14 penumpang.

Pelampung keselamatan disediakan sekadar memenuhi syarat dan tidak menepati piawaian. Agensi penguatkuasa yang memeriksa dan berada di lokasi juga seolah-olah melepaskan batuk di tangga kerana hampir semua bot laju melebihi muatan dilepaskan begitu saja.

Kewujudan sebuah terminal baru turut dipersoal kerana menghabiskan duit rakyat tetapi sekadar menjadi projek gajah putih.

Kita tidak mahu tragedi bot karam berulang kerana pengangkutan air di antara Pulau Labuan dan Pekan Menumbok sangat penting. Dengan adanya pesaing bukan saja dapat mewujudkan persaingan yang sihat malah mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan.

**IKAN BILIS,
Wilayah Persekutuan Labuan.**

Pengarang (Harian Pembaca)

Berita Harian Sdn. Bhd

31 Jalan Riong, Bangsar

59100 Kuala Lumpur

Saudara pengarang,

Terlebih dahulu Jabatan Laut mengucapkan ribuan terima kasih di atas maklumbalas yang bertajuk "penduduk kecewa mutu khidmat feri, bot laju Labuan ke Menumbok" yang disiarkan di dalam akhbar tuan di ruangan surat dan emel yang bertarikh 27 Oktober 2010.

Untuk makluman tuan, setelah semakan dibuat berhubung ketiadaan perkhidmatan feri pada 22 Oktober 2010 lalu, ianya adalah tidak tepat. Ini kerana pada hari tersebut, terdapat dua buah feri yang beroperasi pada waktu pagi iaitu dari Labuan ke Menumbok pada jam 7.50 pagi dan feri dari Menumbok ke Labuan pada jam 9.00 pagi. Walau bagaimanapun, pada sebelah petang perkhidmatan feri tidak dapat disediakan disebabkan urusan tertentu oleh syarikat berkenaan dan perkara ini telahpun diberitahu kepada penumpang feri melalui hebahan atas feri dan pemberitahuan di kaunter tiket.

Selain menaiki feri, penumpang juga boleh memilih untuk menaiki bot laju dari Menumbok, Sabah ke Labuan. Untuk makluman, bot-bot laju di Menumbok, Sabah dilesenkan dan berada di bawah bidang kuasa Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Negeri Sabah.

Terminal feri yang baru di Wilayah Persekutuan Labuan bukanlah projek gajah putih kerana ianya amat penting untuk kegunaan penumpang dan dilengkapi dengan ruang menunggu serta digunakan juga bagi perkhidmatan feri kenderaan di antara Labuan dan Muara, Brunei Darussalam. Sehubungan dengan itu, Pihak Jabatan Laut akan memantau agar terminal baru ini dapat beroperasi mengikut perjanjian yang ditetapkan untuk kegunaan orang ramai.

Norshazila Ahmad

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Laut Semenanjung Malaysia